

PANTANG LARANG DALAM KALANGAN ORANG MELAYU: ANALISIS DARI PERSPEKTIF TEORI SPB4K

(Analysing Malay Taboos from the Perspective of SPB4K Theory)

Ani Haji Omar

ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Pendidikan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Pantang larang ialah larangan atau tegahan terhadap perbuatan atau percakapan bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku. Makalah ini mengupas segala pantang larang orang Melayu yang masih relevan dan patut diamalkan dari perspektif Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) melalui empat aspek, iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Pemikiran kerohanian berkaitan dengan keimanan dan ketaqwaan, hubungan manusia dengan Yang Maha Pencipta, sebagai hamba (*hablumminallah*) dan hubungan manusia sesama manusia serta dengan makhluk yang lain sebagai khalifah (*hablumminannas*). Pemikiran kebitaraan mengkaji kebijaksanaan orang Melayu dalam mengungkapkan pantang larang untuk mendidik serta menerapkan nilai murni. Pemikiran kesaintifikan melihat logik dan kesaintifikan orang Melayu dahulu kala berkaitan dengan kejadian alam seperti hujan, guruh, serta hubungannya dengan manusia dan kaitannya dengan haiwan serta tumbuhan. Pemikiran kekreatifan pula melihat kekreatifan orang Melayu menyusun ayat dan perkataan dalam pantang larang ini sehinggakan anak cucu bimbang untuk melanggarnya malah menurutinya tanpa banyak bicara.

Kata kunci: pantang larang, keluhuran, kerohanian, kebitaraan, kekreatifan, kesaintifikan

Abstract

Taboos are the prohibition of certain actions or speech in order to prevent something unwanted from happening. This article reviews whether the taboos of the Malay community are still relevant and should be followed from the perspective of the 4K Consolidated Thinking System Theory (SPB4K Theory) by looking at four different

aspects: spiritual, incomparable, scientific and creative thinking. Spiritual thinking is closely connected to faith and the relationship between humans and the Creator as His servants (hablumminallah) and the relationships among human beings as God's vicegerents on earth (hablumminannas). Incomparable thinking studies the ways in which the Malays expressed taboos in order to educate and to inculcate good values. Scientific thought looks at the logic and the 'scientificness' of the thinking of the Malays of old regarding occurrences in the natural world such as rain and thunder, as well as the relationship of humans with the animal and plant world. Creative thinking looks at the creativity of the Malays in structuring the words and sentences in expressing their taboos to the extent that their descendants were afraid to break these and would obey without question.

Keywords: taboos, sanctity, incomparability, creativity, scientificness

PENDAHULUAN

Pantang larang merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Melayu Tradisional yang amat tinggi nilainya. Di dalamnya terkandung ungkapan yang merupakan khazanah bangsa, dan dibina daripada pengalaman hidup yang lalu. Pengalaman ini dapat dijadikan contoh teladan dalam kehidupan masa kini. Pantang larang orang Melayu tradisional merupakan kepercayaan masyarakat Melayu zaman lampau berkaitan dengan adat dan budaya warisan nenek moyang. Kebanyakan pantang larang diturunkan secara lisan turun-temurun. Sehubungan itu, makalah ini selanjutnya akan membincangkan dua aspek utama, iaitu pantang larang berhubung dengan kekeluargaan, sosial dan moral. Keduanya, pantang larang berkaitan dengan kesihatan dan penyakit. Perbincangan akan dikaitkan dengan teori sistem pemikiran bersepadu 4K atau SPB4K, iaitu pemikiran kerohanian, lahiriah, kesaintifikan dan kekreatifan. Di sebalik pantang larang yang menjadi amalan ini terkandung maksud tersurat dan tersirat yang memperlihatkan penghayatan mereka terhadap alam dan hubungannya dengan tamadun manusia yang tinggi.

TEORI SISTEM PEMIKIRAN BERSEPADU 4K (TEORI SPB4K)

Kajiannya ini memanfaatkan teori yang berkaitan dengan falsafah dan pemikiran. Mohd Yusof Hasan (2009:18) yang menyatakan bahawa teori SPB4K ini memperlihatkan empat jenis pemikiran, iaitu 1) pemikiran luhur atau kerohanian; 2) pemikiran lahiriah atau kebitaraan; 3) pemikiran logik atau kesaintifikan; dan 4) pemikiran lateral atau kekreatifan yang perlu disepadukan untuk manusia menjadi hamba dan khalifah. Hal ini juga memperlihatkan pembangunan otak atau minda manusia kepada "hoki" dan "hoka", iaitu aliran sains dan aliran sastera. Selain itu, dijelaskan juga bahawa unsur

4L/4K itu boleh membawa kepada 4S, iaitu manusia soleh/solehah, manusia sarjana, manusia saintis dan manusia seniman secara bersepadu dan holistik. Menurut beliau lagi teori pemikiran SPB4L/4K ini hendaklah pula dilengkapi dengan teori etika yang dipanggil SEB4K, iaitu Sistem Etika Bersepadu 4K. 4K tersebut mewakili keagamaan, keprofesionalan, kerasionalan dan kemanusiaan. Pemikiran mempunyai hubungan kait dengan aktiviti minda, manakala etika merupakan hasil daripada hati dan perasaan untuk manusia bertindak dan berinteraksi.

PANTANG LARANG ORANG MELAYU

Pantang larang orang tua-tua bertujuan mendidik masyarakat agar dapat menerapkan nilai baik yang diamalkan dalam kehidupan. Unsur pengajaran sama ada secara tersurat mahupun tersirat diterapkan dalam pantang larang masyarakat Melayu. Pantang larang merupakan disiplin lisan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Pantang larang ini masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu kini walaupun semakin terhakis ditelan zaman. Orang tua-tua dahulu selalu mengingatkan anak cucunya supaya tidak melanggar pantang larang. Melanggar pantang larang dianggap tidak mendengar nasihat orang tua-tua.

Pantang larang ini ditujukan kepada semua peringkat masyarakat termasuklah wanita yang hamil, bayi, kanak-kanak, kaum perempuan dan juga kaum lelaki. Teromba berikut mengungkapkan pantang larang:

Orang tua berkata
Jangan dilangkahi jangan
Usah dilakukan larangan
Ini kata orang tua
Tak patah tiek
Tak pekung jingkek
Kok tak berpadah
Manalah semuanya itu ditegah
Jangan oh jangan

...

(Mohd Rosli Saludin, 2005:43)

Abdullah Yusof (2006) menyatakan dari sudut sejarah, '*urf*' atau adat dan sistem nilai berkait rapat dengan adat resam (adat istiadat dan kepercayaan) yang diwarisi dari generasi ke generasi; peraturan dan undang-undang yang tidak bertulis yang merupakan ajaran dan ikutan. Adat dan pantang larang orang Melayu amat jelas dipengaruhi oleh faktor animisme, agama dan kekuasaan, dan boleh dikatakan

melibatkan hampir semua golongan dan lapisan masyarakat serta hampir dalam semua aktiviti dalam budaya Melayu. Sebahagian daripadanya dianggap sebagai suka-suka dan dipandang remeh oleh orang ramai, namun sebahagiannya dipegang oleh anggota masyarakat. Ramai yang percaya bahawa setiap pelanggaran akan memberi akibat buruk. Yang nyata, akibatnya sering dikaitkan dengan kuasa makhluk halus atau semangat dan bukan berasaskan aspek sains atau pemikiran yang waras.

PEMIKIRAN LAHIRIAH, KERASIONALAN DAN KEMANUSIAAN DALAM PANTANG LARANG MEMBINA KEBAHAGIAAN KEHIDUPAN BERKELUARGA

Masyarakat Melayu beragama Islam, maka tradisinya banyak mengikut apa yang digariskan dalam Islam. Islam menggalakkan umatnya berkahwin dan perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda pernah bersabda yang bermaksud: “Berkahwin itu ialah sunnahku. Sesiapa yang tidak mengamalkan sunnahku ini bukan tergolong daripada golonganku.” Hadis riwayat Muslim ini (*Berita Harian*, 2004:9), menjelaskan bahawa institusi perkahwinan penting dalam pembentukan sebuah masyarakat sempurna kerana mengikut landasan atau sistem yang digariskan oleh Allah SWT sesuai dengan fitrah manusia dan seperti firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum, Ayat 21 yang bermaksud:

Dan diantara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kamu yang berfikir.

Melalui perkahwinan setiap lelaki dan wanita dapat mencari keredhaan daripada Allah SWT dan menambah ketakwaan insan. Perkara ini dijelaskan seperti firman-Nya dalam Surah An-Nisa Ayat 1 yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kamu kepada Tuhan yang menjadikan kamu daripada yang satu dan menjadikan isterinya dan juga membiakkan daripada kedua-dua zuriat lelaki dan wanita yang ramai.

Ayat tersebut menunjukkan bahawa mereka yang berkahwin hendaklah berusaha mewujudkan suasana harmoni dan kasih sayang serta saling memenuhi keperluan antara satu sama lain. Hubungan ini melahirkan zuriat untuk diasuh dan dididik agar menjadi manusia yang berguna dan bertakwa. Kehidupan manusia ini harus dijaga bermula dari dalam kandungan ibunya lagi .

Dalam usaha menjaga perkahwinan maka pantang larang diamalkan dalam kehidupan berkeluarga masyarakat Melayu tradisi. Pantang larang yang dikenakan termasuklah kepada isteri, ibu yang hamil, suami dan bapa.

PANTANG LARANG IBU HAMIL DAN SUAMI

Larangan kepada Ibu Hamil

Bagi masyarakat Melayu dahulu kala penjagaan wanita yang hamil merupakan perkara yang sangat penting. Hanapi Dolah (2007) menyatakan sebagai masyarakat yang bergantung pada perubatan tradisional, tidak ada cara yang boleh menjamin nyawa ibu serta anak dalam kandungan akan lahir dengan selamat dan sempurna tanpa sebarang kecacatan. Kebimbangan itu bukanlah sesuatu yang aneh kerana masyarakat ketika itu tidak mempunyai kemudahan perubatan moden seperti hari ini. Oleh itu, pantang larang merupakan cara masyarakat tradisional mengatasi masalah ini. Pantang larang diamalkan untuk mengelakkan kejadian buruk berlaku, terutama semasa mengandung, ketika melahirkan dan, berlanjutan dalam tempoh berpantang selama 40 hari atau lebih.

Anisah Barakbah (2007:72) menyatakan pengetahuan tentang pantang larang serta penjagaan kesihatan diri serta kandungan semasa proses kehamilan lazimnya diwarisi orang Melayu secara turun-temurun. Ilmu ini menjadi rahsia dan hanya diturunkan secara lisan daripada ibu kepada anak, seterusnya kepada cucu dan terus kekal sebagai warisan. Apabila seorang wanita didapati hamil, bidan akan dijemput untuk memberi panduan langkah demi langkah sehinggalah wanita itu cukup bulan. Perkara ini penting dilakukan kerana berdasarkan pemikiran kebitaraan. Antara ciri wanita yang dikagumi ialah wanita yang mampu melahirkan anak. Keupayaan wanita ini dapat meneruskan kesinambungan keturunan keluarga yang akan datang. Berdasarkan hadis sahih, Mohd Hasnawi (2004:10) menyatakan antara sifat wanita yang dianjurkan oleh agama Islam untuk dikahwini hendaklah wanita yang banyak melahirkan anak. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Kahwinilah wanita yang boleh melahirkan anak, dan yang sangat berkasih sayang. kerana ini akan memperbanyakkan umatku”.

(HR. Abu Dawud, An-Nasa’i dan Al-Hakim)

Bagi mencapai maksud tersebut pelbagai aspek perlu diambil berat apabila seseorang wanita itu didapati hamil. Sehubungan itu, pantang larang bagi ibu hamil

tidak terhad kepada amalan pemakanan. Larangan meliputi segala aktiviti harian ibu yang hamil. Umpamanya larangan tidur waktu rembang dan senja kerana dikhuatiri ibu boleh mendapat penyakit murung. Selain itu bentuk fizikal kelihatan sembab akibat kemasukan angin.

Hanapi Dolah (2007:136) pula menyatakan ibu yang hamil tidak boleh berada di luar rumah selepas maghrib. Pada waktu tersebut dipercayai syaitan, iblis dan hantu mula berkeliaran. Gangguan makhluk halus, seperti kerasukan jin atau syaitan mudah berlaku jika ibu hamil tidur pada waktu rembang dan senja.

Ibu hamil juga tidak digalakkan makan makanan sejuk, seperti minuman berais dan bergas. Mengikut Abdullah Yusof (2006) lagi, ibu yang hamil juga tidak boleh makan kerak nasi, kerana dibimbangi bayi dalam kandungan akan melekat pada uri.

Semasa seseorang ibu sedang mengandung pantang bagi orang Melayu mengalih-alihkan sesuatu barangan dalam rumah, ditakuti bayi akan songsang (Abdullah Yusof, 2006:131). Begitu juga pantang duduk di bendul dan anak tangga.

Masyarakat Melayu juga tidak membenarkan ibu hamil melihat gerhana matahari kerana dipercayai anak yang bakal mereka lahirkan akan mengalami kecacatan mata, iaitu juling. Tidak boleh melintas di bawah ampaian kerana dikhuatiri anak yang bakal mereka lahirkan akan gagap. Dilarang tidur pada waktu tengah hari kerana dikhuatiri kepala anak yang bakal dilahirkan menjadi besar. Selain itu, masyarakat Melayu juga dipercayai bahawa anak menantu yang bergaduh dengan ibu mentuanya akan mengalami kesulitan sewaktu ingin melahirkan anak.

Namun begitu, dari segi pemikiran kerasionalan dan kemanusiaan, terdapat pengajaran di sebalik kepercayaan ini. Jika diteliti setiap pantang larang bagi ibu yang mengandung ini mengandungi maksud tersirat untuk menjaga kemaslahatannya. Larangan tidur waktu senja misalnya, mengikut pemikiran logik, waktu senja ialah waktu yang hampir masuk Maghrib. Waktu tersebut merupakan masa untuk bersembahyang dan beribadat, oleh itu tidak sesuai untuk ibu hamil tidur pada masa tersebut.

Pantang yang melarang ibu hamil makan makanan sejuk pula, rasionalnya, dikhuatiri kesihatannya akan terganggu, seperti terkena batuk, demam dan selsema. Ibu hamil mudah terganggu kesihatannya jika tidak dijaga dari segi pemakanannya. Larangan ibu hamil melihat gerhana matahari pula, mengikut pemikiran saintifik dan logik, gerhana matahari dapat mengakibatkan kerosakan pada mata sesiapa sahaja yang melihatnya sekiranya tidak memakai cermin mata khas. Jika dilihat pula dari sudut agama, kecacatan seseorang itu sesuatu yang telah ditakdirkan Allah sejak azali lagi.

Larangan ibu mengandung tidak boleh duduk dibendul dan anak tangga pula, logiknya dibimbangi ibu terjatuh dan terlanggar oleh orang yang turun naik tangga.

Bagi menantu yang mengalami kesulitan sewaktu melahirkan anak boleh terjadi akibat masalah yang berlaku dalam sistem peranakan si ibu atau faktor lain. Namun, yang ingin disampaikan adalah supaya kehidupan sesebuah keluarga tenteram dan aman terutamanya bagi menantu yang tinggal serumah dengan ibu mentuanya. Suasana yang tidak harmoni dapat mempengaruhi emosi si ibu untuk menempuh saat melahirkan anak. Sehubungan itu, Ridha Bak Najjad (2002) menyatakan peranan ibu atau ibu mentua sangat penting dalam kehidupan orang Melayu kerana dapat mempengaruhi keperibadian anak dan menantunya. Oleh itu, ketakwaan akan memberi jalan kepada orang yang beriman dan orang yang membuat kebajikan. Selanjutnya mudah baginya untuk mencari jalan penyelesaian bagi setiap permasalahan sebagaimana yang dinyatakan di dalam surah at-Thalaq ayat 4:

“Barang siapa yang bertaqwa kepada Allah SWT nescaya Allah akan menjadikan baginya kemudahan dalam urusannya”.

Larangan kepada Bapa

Bapa juga ada pantang larang yang perlu dipatuhi walaupun tidak sebanyak larangan kepada ibu yang hamil. Bapa apabila pulang ke rumah pada waktu malam tidak boleh terus masuk ke dalam rumah, tetapi perlu berhenti sebentar di luar rumah. Tujuannya untuk mengelirukan hantu yang mengikutinya. Namun dari segi pemikiran rasional, tujuannya adalah untuk meredakan bapa yang mungkin berkeadaan panas dan untuk mengembalikan semula keadaannya seperti bersifat tenang dan sabar. Hal ini penting sekiranya isterinya hamil ataupun beranak kecil.

Abdullah Yusof (2006:131) juga menyatakan bahawa bapa kepada bayi dalam kandungan tidak boleh melakukan pekerjaan yang “keras” seperti menyembelih ayam, membunuh binatang terutamanya ular, monyet dan anjing. Keadaan ini boleh mengakibatkan badi binatang tersebut terkena kepada anaknya dan dikhuatiri anak yang bakal lahir bibirnya terbelah, kenan atau mengalami kecacatan. Pantang larang ini mendidik masyarakat supaya tidak melakukan penderaan terhadap binatang kerana perbuatan ini menggambarkan sikap manusia yang kejam dan zalim. Apalagi kepada bapa yang sepatutnya menjadi contoh kepada anak-anak.

Masyarakat Melayu mempercayai bahawa sekiranya mereka mencaci atau menceritakan kecacatan orang lain, anak mereka yang bakal dilahirkan juga akan mengalami nasib seperti orang yang dicacinya. Mengikut pemikiran kerohanian, kepercayaan ini dapat mendidik masyarakat supaya menjaga setiap tutur kata agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak.

KEBITARAAN MENJAGA KEPERWIRAAAN KAUM LELAKI

Robiah Sidin dan Juriah Long (1998:39) menyatakan apabila seseorang lelaki dalam perjalanan, khasnya ketika melintasi hutan belantara, harus tahu cara bertindak dan bergerak. Umpamanya jikalau ia ingin membuang air kecil, perlulah berhati-hati dan menghala ke arah tertentu. Sehubungan itu, terdapat pantang larang dan kepercayaan untuk kaum lelaki, iaitu dilarang kencing di atas busut kerana dipercayai kemaluan mereka akan menjadi buruk. Busut dipercayai menjadi tempat tinggal makhluk halus. Oleh itu, kepercayaan ini diamalkan supaya kaum lelaki berjaga-jaga agar tidak “ditegur” oleh makhluk halus tersebut. Apabila berjalan-jalan di dalam hutan, seseorang itu harus bersikap rendah diri dan bertatertib, tidak bersikap sombong dan liar. Jika seseorang melanggar peraturan ini ia boleh mendapat kecelakaan, seperti mendapat penyakit dengan serta merta atau setelah pulang ke rumahnya. Seseorang yang tidak berhati-hati boleh tersesat kerana dirasuk dan dipermainkan oleh hantu di hutan sehingga ia kehilangan panduan untuk mencari jalan keluar.

Pemikiran yang dikaitkan dari sudut etikanya yang terdapat dalam kepercayaan yang diamalkan ini untuk mendidik manusia agar saling menghormati antara satu sama lain. Bukan sahaja sesama manusia tetapi juga dengan makhluk lain yang ada di muka bumi ini sama ada yang boleh dilihat dengan mata kasar atau yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Mereka juga dilarang bersiul di dalam rumah kerana dikhuatiri rumah akan dimasuki oleh ular. Mereka dilarang mengintai orang mandi kerana ditakuti mata akan mengalami ketumbit. Namun semua pantang larang dan tegahan adalah untuk mendidik dan memberi pengajaran supaya seorang lelaki itu menjadi manusia yang berhemah dan berkelakuan sopan dan baik. Teromba berikut ada mengungkapkan:

...
Kencing atas api menyala, panas baran
Kencing atas busut kena badi
Melangkahi kubur, payah kencing
Kencing atas kubur, payah tidur
...

Mohd Rosli Saludin (2005:44)

Rumusannya daripada petikan teromba tersebut seorang lelaki sama ada berperanan sebagai seorang suami, bapa, abang, datuk dan sebagainya mereka haruslah sentiasa menjaga tingkah laku dan perlakuan mereka setiap masa. Pada asasnya, Allah SWT menjadikan lelaki mempunyai kekuatan fizikal, berfikiran yang matang dan beberapa kelebihan lain berbanding dengan wanita yang diciptakan

dengan sifat lemah lembut, pemalu serta tidak agresif. Lelaki yang luhur, lahir dan berfikiran logik dan lateral telah diberikan tugas dan tanggungjawab memikul amanah sebagai ketua atau pemimpin yang mengawal serta memberi perlindungan kepada wanita. Bertepatan dengan perkara ini Allah SWT berfirman dalam surah An-Nisa' Ayat 34 bermaksud:

Kaum lelaki itu ialah pemimpin dan pengawal yang bertanggung jawab terhadap kaum wanita, kerana Allah sudah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka.

Lelaki sebagai ketua dalam keluarga, pemimpin dalam masyarakat, suami kepada isteri, bapa kepada anak, seharusnya menjaga keterampilan dan kewibawaan mereka.

PANTANG LARANG KEPADA BAYI DAN KANAK-KANAK

Abdullah Yusof (2006:131) menyatakan pantang larang kepada bayi. Menurutnya, orang dewasa tidak boleh duduk di hujung kepala bayi kerana dikuatiri bayi akan terkena sawan. Bayi tidak boleh dibawa berjalan waktu senja dipercayai akan dirasuk hantu atau jembalang. Tembuni bayi tidak boleh dibuang merata-rata, dikhuatiri bayi akan menangis mencari saudara kandung. Terdapat juga kepercayaan bahawa bayi tidak boleh dikatakan “gemuk” sebaliknya elok digunakan perkataan “semangat” kerana dikhuatiri bayi tersebut akan menjadi kurus. Tidak boleh dipicit mulut bayi kerana ditakuti hilang selera makan. Sisa makanan bayi tidak boleh dimakan oleh ibu atau bapa kerana dipercayai apabila besar si anak akan melawan kata orang tuanya. Bayi juga tidak boleh dicium sewaktu sedang tidur terutamanya pada ubun-ubun dan pusatnya kerana dipercayai bahawa bayi tersebut akan pendek umur. Selain itu, tidak boleh dikejutkan bayi yang sedang tidur sambil tersenyum kerana mereka sedang bermain dengan uri mereka.

Pantang larang kepada bayi ini selain mendidik bayi juga mendidik ibu bapanya. Perlakuan membawa bayi keluar pada waktu senja memang tidak digalakkan, kerana pada waktu tersebut, syaitan berkeliaran, tercatat dalam hadis sahih Bukhari dan Muslim. Selain itu, masa ini juga merupakan masa untuk beribadat, iaitu menunaikan solat Maghrib.

Pantang larang juga menjaga anggota bayi agar dilindungi, seperti mulut, ubun-ubun, pusat, dan menjaga tidurnya agar tidak diganggu oleh perlakuan orang yang menjaganya. Sisa makanan bayi tidak boleh dimakan oleh ibu bapa pula, untuk memberi pendidikan kepada anak agar menghormati ibu bapa walaupun anak masih lagi bayi. Selain itu, pendidikan ini juga ditujukan kepada ibu bapa sendiri agar

menjaga anak dengan batas tertentu agar anak apabila dewasa nanti menjaga adab mereka terhadap orang tuanya.

Golongan kanak-kanak juga tidak terlepas daripada pantang larang masyarakat Melayu. Antaranya termasuklah, mereka dilarang menjelirkan lidah mereka kerana akan dipotong lidahnya. Jika mereka memakan kepala ikan, mereka akan menjadi bodoh. Selain itu, mereka dilarang mengangkat kaki semasa meniarap kerana dipercayai ibu bapa mereka akan meninggal. Kanak-kanak juga dilarang menunjuk pelangi kerana jari mereka akan kudung, tidak boleh makan di dalam gelap kerana mereka dikatakan makan bersama-sama hantu. Kanak-kanak juga tidak dibenarkan menggigit kain kerana ditakuti gigi mereka akan berulat. Mereka juga tidak dibenarkan makan hempedal ayam kerana dikhuatiri akan mengalami kesulitan semasa hendak dikhatankan.

Teromba berikut ada mengungkapkan yang ditujukan kepada kanak-kanak:

Bersiul tengah malam, naik ular
 Tidur membawa remah mimpi rimau
 Keludahan orang tua mengudis mulut
 Kerobek-robek papatung kudung jari
 Menunjuk pelangi kudung jari
 Suka meniarap lekas mati emak
 Main api hati gelap
 Mengutip barang cicir mata rabun
 Budak makan pedal ayam, liat sunat
 Budak makan kepada ayam, kuat tidur
 ...

Mohd Rosli Saludin (2005:43)

Semua pantang larang ini bertujuan untuk mendidik kanak-kanak supaya berkelakuan baik dan bersopan santun. Dengan cara menakut-nakutkan kanak-kanak adab dan kesantunan diterapkan dan dibiasakan amalannya, dan akhirnya membentuk keperibadian dengan nilai kemelayuan.

PANTANG LARANG KEPADA ANAK DARA

Anak dara merupakan tanggungan ibu bapa dan menjadi tanggungjawab yang besar kepada sesebuah keluarga untuk menjaga dan mendidik mereka dengan baik. Tujuannya untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dilindungi dan dijaga kesuciannya. Menurut Abdullah Yusof (2006) terdapat juga pantang larang yang ditujukan kepada anak gadis umpamanya menyanyi di dapur, nanti dapat suami tua.

Makan beralih tempat, nanti ramai suami. Gadis yang meletakkan pinggan di atas riba semasa makan dipercayai bahawa suaminya akan dirampas perempuan lain. Selain itu, anak dara dilarang menjahit pakaian yang sedang dipakai kerana dipercayai bahawa mereka tidak akan terlepas daripada hutang. Anak gadis yang bangun lewat pula ditakuti akan lambat menemui jodohnya. Kerak nasi tidak boleh dimakan oleh anak gadis kerana masyarakat Melayu tradisional dipercayai bahawa anak yang akan dilahirkan akan menjadi hodoh. Anak dara juga dilarang duduk di muka pintu kerana dikuatiri tidak akan dipinang orang. Anak gadis yang makan berubah tempat juga dipercayai akan berkahwin dengan ramai lelaki. Jika seorang anak gadis itu makan sambil berbaring, dipercayai bahawa suami mereka akan menjadi seorang yang pemalas.

Perbuatan menyanyi di dapur dilarang kerana ditakuti nasi atau masakan yang sedang dimasak akan hangus akibat leka menyanyi. Namun begitu, seorang anak gadis yang makan sambil berbaring tidak manis dipandang orang ataupun buruk dari segi perlakuannya. Anak gadis sebegini dianggap tidak bersopan. Dari segi pemikiran logiknya pula, makan sambil berbaring akan menyukarkan sistem pencernaan atau penghadaman makanan.

Teromba berikut mengungkapkannya:

...

Makan remah mahal rezeki
Duduk di muka tangga susah laku
Menyanyi di dapur nikah dengan orang tua
Mandi tengah malam buncit perut
Menjerit di waktu senja diikuti hantu
Kerat kuku malam hari cepat tangan

Pantang larang ini kepada anak dara ini secara keseluruhan bertujuan menjaga adab dan kesantunan anak dara. Masyarakat Melayu tradisional yang rata-rata mengahwinkan anak dara mereka pada usia muda. Oleh itu, anak dara yang buruk perlakuannya mungkin lambat dipinang orang.

PANTANG LARANG MEMELIHARA ETIKA DAN KESOPANAN

Dari segi etika dan kesopanan masyarakat Melayu masih mengamalkan beberapa kepercayaan atau pantang larang, antaranya, larangan duduk di atas bantal. Seseorang yang duduk di atas bantal dipercayai punggungnya akan bisul. Selain itu, dilarang juga bergendang di dalam rumah. Jika diamalkan perbuatan ini dipercayai harta di

dalam rumah tersebut akan habis dicuri orang. Masyarakat Melayu juga dilarang menjahit pada waktu senja kerana dipercayai mata akan menjadi buta.

Jika diteliti pantang larang ini, dari segi etikanya duduk di atas bantal merupakan perbuatan yang tidak sopan. Kepala bagi orang Melayu merupakan anggota yang sensitif, anggota yang dijaga. Tidak boleh bermain atau bergurau dengan kepala orang. Oleh itu, duduk di atas tempat yang sepatutnya diletakkan kepala dianggap tidak sopan.

Larangan bergendang pula untuk mengelakkan bising di rumah. Tambahan lagi jika bergendang dengan mengetuk lantai rumah yang dibuat daripada papan akan merosakkan barang yang bergantung di dinding yang boleh jatuh dan pecah. Bunyi bising ini mengganggu ketenteraman jiran di sekeliling rumah. Akibatnya dapat mencetuskan perbalahan dalam masyarakat.

Larangan menjahit pada waktu senja pula bertujuan untuk menjaga kesihatan mata supaya tidak kabur dan rosak. Selain itu juga untuk mengelakkan kecederaan ketika menjahit kerana senja merupakan pertukaran waktu daripada siang kepada malam dan semestinya keadaan pada waktu itu suasana samar-samar dan kurang jelas.

Adab Makan

Muhd Alif Redzuan (2005:11) menyatakan peradaban dan budaya makan bagi pelbagai golongan etnik di Asia merupakan warisan tingkah laku zaman-berzaman. Bagi mereka, cara yang terbaik untuk menikmati hidangan makanan ialah dengan menggunakan cara yang diamalkan oleh golongan etnik masing-masing. Sehubungan itu, terdapat pantang larang semasa, sebelum dan selepas makan yang masih lagi diamalkan sehingga sekarang.

Masyarakat Melayu juga mempunyai tertib dan adab makan. Terdapat beberapa pantang larang yang berkaitan dengan adab makan. Masyarakat Melayu percaya bahawa makan pedal ayam akan menyebabkan pengantin mengantuk ketika sedang disandingkan. Mereka yang tidak membasuh pinggan selepas makan dipercayai akan lambat menerima menantu. Jika seorang lelaki itu makan di atas pinggan yang bertindih, masyarakat Melayu percaya bahawa mereka akan berkahwin dua. Seseorang yang makan di dalam pinggan yang sumbing dikhuatiri anak mereka akan sumbing.

Semua tegahan dan pantang larang ini adalah untuk menjaga tertib waktu makan. Orang Melayu pada zaman dahulu amat mementingkan adat dan sopan santun semasa makan sama ada di rumah mahupun di majlis keramaian. Pantang larang bukan sahaja bertujuan untuk pengajaran tetapi juga untuk menjaga sopan santun orang Melayu. Orang yang tidak membasuh pinggan makan merupakan perbuatan

yang tidak manis dipandang dan menggambarkan sikap seseorang yang pemalas. Makan menggunakan pinggan yang sumbing pula boleh mencederakan diri sendiri, sedangkan di rumah ada pinggan yang lebih baik untuk digunakan. Kecelakaan akan menimbulkan kesusahan kepada orang yang cedera dan mungkin juga kepada orang lain.

Sehubungan itu, Zaharah Nawawi (2005:13) menyatakan tahap pendidikan dan sosial mengubah persepsi serta budaya makan khususnya orang Melayu. Sebagai contoh seseorang itu dilarang tidur selepas makan. Maksud di sebalik larangan ini adalah untuk pendidikan dan kesihatan. Jika seseorang itu tidur semasa perut kenyang, makanan yang dimakan belum hadam. Keadaan ini akan menimbulkan rasa malas dan akibatnya melalaikan seseorang daripada melakukan pekerjaan lain seperti sembahyang. Kenyataan ini sesuai dengan pendapat Arab dan Nurul Akmar Mohd Idris (2005:17) yang menyatakan adab makan juga mencerminkan kelas sosial seseorang.

Selain pantang larang, terdapat adat dan tata tertib yang berkaitan dengan makan. Muhd Alif Redzuan (2005:12) menyatakan antara adat dan tata tertib tersebut adalah seperti yang berikut: ketika berkunjung ke rumah orang, apabila tuan rumah menghadirkan makanan atau minuman, adalah tidak wajar bagi tetamu menolaknya. Jika kenyang sekalipun kita hendaklah menjamah sedikit hidangan yang disajikan itu. Setelah makanan dihidangkan, pastikan orang yang lebih tua duduk dahulu kemudian baru diikuti oleh orang muda untuk mengambil tempat masing-masing. Anak gadis pula dikehendaki menyenduk nasi ke dalam pinggan orang yang lebih tua. Biarkan orang yang lebih tua mengambil makanan dahulu kemudian baharulah diikuti oleh orang muda. Tidak sopan jika membiarkan orang yang lebih tua makan sisa orang muda.

Ketika makan seelok-eloknya diambil makanan yang berhampiran dengan kita. Jangan menjangkau makanan yang sukar dicapai. Mintalah bantuan orang lain yang berdekatan jika kita mahukan makanan itu.

Ketika menghulur atau menyambut makanan, sebaik-baiknya gunakan tangan kanan, tetapi jika tangan kanan kotor, bolehlah menggunakan tangan kiri. Semasa menghulur dan menyambut makanan, seelok-eloknya siku atau pergelangan tangan ditampung sedikit dengan tangan yang sebelah lagi. Semasa mengambil kuah atau nasi, gunakan tangan kiri supaya sudu atau senduk tidak kotor. Pastikan sudu, piring atau mangkuk tidak berlaga dan berbunyi ketika menyenduk. Perkara ini dianggap kurang sopan dan kasar jika berlaku pergeseran antara sudu, piring atau mangkuk sehingga berbunyi.

Ketika makan pula dilarang bercakap-cakap. Lebih-lebih lagi jika mulut penuh dengan makanan. Jika bercakap pastikan tidak menimbulkan perkara yang kurang

menyenangkan sehingga boleh mengganggu selera makan orang lain. Jangan makan berbunyi, umpamanya menghirup minuman atau mengunyah makanan.

Ketika orang lain sedang makan janganlah menghembus hingus, berkahak atau berludah. Makan jangan terlalu kenyang. Makanlah setakat mengenyangkan atau mengalas perut sahaja. Jika selesai makan terlebih dahulu jangan sekali-kali mengangkat pinggan dan meninggalkan orang yang sedang makan. Seelok-eloknya tunggu dan pastikan semua orang sudah selesai makan barulah bangun. Jika mahu mengemaskan tempat makan atau meja makan, pastikan semua orang sudah selesai makan. Tidak sopan jika mengemas ketika orang lain masih menikmati hidangan. Jika perbuatan ini dilakukan kita seolah-olah menyindirnya supaya menghentikan makan atau melarangnya menghabiskan makanannya.

Jangan pergi ke rumah orang pada waktu makan dan waktu maghrib. Perlakuan ini mengganggu tuan rumah kerana mungkin telah memasak makanan cukup untuk keluarganya sahaja. Waktu maghrib pula merupakan waktu sembahyang yang paling singkat dan kedatangan tetamu menyebabkan tuan rumah serba salah untuk meninggalkan tetamu keseorangan. Oleh itu, seelok-eloknya datanglah selepas waktu sembahyang Isyak. Pantang larang ini diadakan bukan sahaja sebagai pengajaran tetapi bertujuan untuk menjaga tatasusila supaya kita tidak melakukan perkara yang kurang sopan.

KEBITARAAN, KEAGAMAAN DAN KESAINTEFIKAN: PEMIKIRAN ORANG MELAYU MELIHAT PERUBAHAN ALAM DALAM MENJANA PANTANG LARANG

Samsina Hj. Abd.Rahman (2011:304) menyatakan ajaran Islam dan kitab suci al-Quran sentiasa menuntut manusia untuk berfikir, merenung memerhati dan mengambil iktibar daripada segala kejadian alam. Renungan dan pemerhatian yang tajam dan mendalam akan membawa insan ke arah kesimpulan bahawa alam semesta ini dicipta oleh Allah SWT yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa. Namun demikian, dalam masyarakat Melayu tradisional, terdapat banyak kepercayaan yang berhubung dengan tanda alam. Masih ramai yang tidak mempercayai akan kepercayaan ini yang wujud dalam masyarakat Melayu dan ada sesetengahnya menganggapnya sebagai kepercayaan tahayul. Namun demikian kepercayaan ini ialah iktibar seperti yang telah difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Fathir ayat 41 yang bermaksud:

sesungguhnya Allah menahan dan memelihara langit dan bumi supaya tidak berganjak dari peraturan dan keadaan yang ditetapkan baginya, dan jika keduanya (ditakdirkan) berganjak maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menahannya

daripada berlaku demikian selain dariada Allah sesungguhnya Ia Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun

Memerhati kejadian langit dan bumi merupakan suatu yang mengasyikkan. Dengan sekali pandang sahaja jelas langit dan bintang tidak terhingga ajaibnya. Masing-masing tetap ditempatnya dan beredar mengikut sistem peredaran masing-masing dengan teratur. Tidak pernah menyimpang, tidak pernah lambat atau cepat dalam perjalanannya dan tidak ditambatkan dengan tali yang kukuh. Hakikat inilah yang dihayati dan difikirkan oleh orang Melayu dahulu kala. Betapa makhluk yang tidak berakal boleh tunduk dan patuh kepada Sunatullah, inikan pula manusia yang dikurniakan akal dan dicipta dengan sebaik-baik kejadian. Manusia perlu membuka mata hati dan minda dalam melihat betapa besarnya keagungan dan kekuasaan Allah SWT dalam setiap penciptaan-Nya.

Nuraini Yusof (2003:231) menyatakan alam sekitar memainkan peranan penting dalam usaha untuk memberi kebahagiaan kepada manusia. Tanda alam ini bagi orang Melayu dijadikan unsur pengajaran, teladan dan iktibar. Daripada situlah hal ini dikaitkan pula dengan perlakuan manusia yang boleh memberi gambaran maksud yang negatif atau pun positif apabila dihubungkan pula dengan unsur alam serta kehidupan yang lain, seperti flora dan fauna, serta perubahan yang terjadi pada alam seperti kejadian siang dan malam, hujan ribut, petir dan sebagainya. Misalnya, seseorang yang sedang sakit tenat tiba-tiba dia didekati atau dihindangi oleh kupu-kupu. Ada kalangan masyarakat Melayu mempercayai kehidupannya sudah tidak lama lagi ataupun ajalnya sudah hampir. Selain itu, jika kupu-kupu masuk ke dalam sesebuah rumah itu menandakan akan ada orang jauh yang akan bertandang ke rumah. Jika anjing menyalak lama di tengah malam pula masyarakat Melayu percaya adanya makhluk halus yang berkeliaran pada waktu tersebut. Demikian pula jika kita terdengar suara burung hantu ataupun burung gagak hitam pada waktu malam dipercayai petanda musibah ataupun akan ada orang yang akan mati. Sekiranya langit cerah dan berwarna merah pada waktu malam, itu menandakan seorang raja sedang nazak ataupun sudah menemui ajalnya.

Biasanya kita dengar kata orang tua-tua, kalau katak berbunyi itu menandakan hari hendak hujan. Namun ada juga yang mempercayai jika katak berbunyi bersahut-sahutan itu bermakna akan berlaku ribut puting beliung. Begitu juga jika terdapat banyak kelkatu naik mengharungi cahaya lampu itu menandakan akan berlaku banjir. Selain itu, terdapat kepercayaan lain dalam masyarakat Melayu tentang kucing. Kucing merupakan binatang yang rapat dengan orang Melayu selain ayam. Oleh itu, terdapat banyak petanda yang ditunjukkan oleh kucing yang dianggap orang Melayu mempunyai maksud tertentu. Jika ada kucing membersihkan muka di hadapan pintu

menunjukkan rumah akan didatangi tetamu yang cantik dan pembersih. Sekiranya ada burung yang tersesat ke dalam rumah kita menunjukkan tuan rumah akan mendapat rezeki dan juga ada yang akan datang. Namun, jika ada kumbang atau belalang pelesit yang masuk ke dalam rumah bermaksud ada benda mistik yang tidak elok akan bertandang. Cicak pula memang ada di mana-mana. Jika cicak berbunyi menunjukkan cicak mengiyakan percakapan kita. Masyarakat menganggap cicak berkata atas dasar yang benar. Jika kita berjalan dan dilintasi binatang juga mempunyai beberapa maksud. Kucing yang melintas jalan kita bermakna kita akan berjumpa kawan dalam perjalanan tersebut. Namun, jika terdapat biawak yang melintas perjalanan kita, kita mesti bersedia untuk menanggung beban.

Mungkin melalui kepercayaan ini juga wujudnya peribahasa “biawak hidup” yang menyamakannya dengan manusia yang tidak memberi hasil dan hanya membebankan orang lain. Namun dari segi pemikiran keagamaan, dan kemanusiaan sekiranya kita didatangi binatang tertentu, seperti kala jengking, katak, cengkerik, belalang, kupu-kupu, kumbang, dan sebagainya, sebaik-baiknya tidak diganggu atau dibunuh. Sewajarnya binatang ini ditangkap dan dilepaskan di luar rumah kerana kehadirannya terjadi secara alamiah. Walaupun kebenaran daripada tanda yang terjadi ini kadangkala banyak diragui, namun ada kalanya memang wujud hubungan antara kejadian tersebut dengan hukum alam.

Menurut Nuraini Yusof (2003:234), manusia dan alam tidak dapat dipisahkan. Hutan dan laut merupakan medan untuk masyarakat Melayu tradisi mencari rezeki. Laut dipercayai ada penunggu, dan hendaklah dipuja penunggu itu. Sekiranya mereka tidak berbuat demikian, maka kehidupan mereka akan diganggu.

Selain itu, masyarakat Melayu pada zaman dahulu juga majoritinya merupakan peneroka hutan. Mereka meneroka hutan untuk dijadikan tempat tinggal ataupun kampung halaman. Selain tempat tinggal, hasil hutan menjadi sumber untuk dijual ataupun untuk kegunaan sendiri. Pada ketika itu, kepercayaan terhadap semangat hutan sangat kuat dalam masyarakat Melayu.

Menurut Nuraini Yusof (2003:131) lagi, dalam masyarakat Melayu tradisional pencerobohan hutan belantara tidak dibenarkan seperti yang terdapat dalam panduan kedelapan “Rimba Larangan”. Keprihatinan orang Melayu dalam menjaga ekosistem ini dapat dilihat dengan larangan bahawa “kayu tidak boleh dirosak-rosak” dan “binatang tak boleh dibunuh mati”. Rimba Larangan ini dilindungi oleh adat dan lembaga. Sekiranya terdapat orang yang ingin mendapatkan apa-apa daripada hutan tersebut, perlu dahulu mendapat kebenaran. Sekiranya tidak mendapat kebenaran orang tersebut akan ditimpa bencana, iaitu dimakan oleh adat. Di bawah ini diperturunkan petikan Rimba Larangan:

Kedelapan Rimba Larangan
Apa tanda rimba larangan
Rimba dikongkong dengan adat
Rimba dipelihara dengan lembaga
Tempat tumbuh kayu-kayan
Tempat diam binatang hutan
Kayu tak boleh dirosak-rosak
Binatang tak boleh dibunuh mati

(Tenas Effendy, 1989:94-95)

Masyarakat Melayu menganggap hutan mempunyai semangat yang keras, iaitu menjadi tempat tinggal binatang liar, berbagai-bagai jenis mambang, penunggu dan jin. Oleh itu, masyarakat Melayu mengadakan upacara khas bagi mereka yang pergi ke hutan. Adat ini sudah menjadi kemestian yang perlu dilakukan untuk menjamin keselamatan seseorang. Dipercayai apabila masuk ke hutan seseorang itu menghadapi bahaya diserang binatang buas yang tidak diduga kehadirannya. Jika seseorang itu menembak binatang tersebut dipercayai badi binatang akan menghinggapinya. Manusia yang terkena badi tersebut biasanya akan ditimpa kesulitan, seperti sakit, meracau, gila dan sebagainya. Oleh yang demikian, antara adat yang diamalkan sebelum ke hutan ialah pemilihan hari. Hari Selasa kurang digalakkan masuk ke hutan kerana dipercayai kurang baik. Hari yang baik untuk ke hutan ialah pada hari Rabu, Khamis dan Jumaat. Dipercayai hari tersebut memberi manfaat yang lebih kepada seseorang. Waktu yang baik ialah sebelah pagi. Pada permulaan hendak ke hutan seseorang itu disarankan supaya membuat upacara adat sajian, namun kini tradisi tersebut digantikan dengan bacaan doa selamat memohon kesejahteraan daripada Allah SWT.

Semasa turun dari rumah dan jika didapati tiba-tiba dilintasi ular dalam perjalanan, dipercayai sebagai petanda yang tidak baik. Individu tersebut disarankan supaya balik semula ke rumah dan memakan sepiak pinang (pinang yang telah dijampi oleh pawang) dan baru menyambung semula perjalanan. Selain itu, turun tangga mestilah melangkah dengan kaki kanan, dan didahului dengan bacaan Bismillahirrahmanirrahhim, dan tidak dibenarkan berpatah balik ke rumah. Seseorang itu ditegah bersiul semasa dalam perjalanan ke hutan. Hal ini kerana dipercayai memanggil ular. Bersiul di dalam hutan juga dilarang kerana akan menarik perhatian binatang buas. Selain itu, dilarang melaung semasa berada di dalam hutan kerana dipercayai akan menarik perhatian binatang buas dan jembalang. Jika laungan itu disahut oleh jembalang, seseorang itu dipercayai akan sesat di hutan. Kepercayaan lain ialah semasa seseorang itu masuk ke hutan untuk

memburu dia tidak boleh berpecah daripada kumpulan kawan mereka. Hal ini kerana dipercayai akan berlaku perkara yang tidak baik. Mengikut kepercayaan, jembalang akan menyerupai wajah seseorang, dan kawan yang bersama ke hutan itu pula akan menyerupai wajah binatang yang hendak diburu. Mereka yang pergi ke hutan juga dilarang tidur di atas pokok kerana dipercayai mereka akan diganggu oleh jembalang terbang. Secara rasionalnya seseorang yang tidur di atas pokok tentulah berbahaya kerana tanpa sedar boleh terjatuh ke tanah dan mendapat cedera. Selain itu, ialah sukar bagi seseorang itu melarikan diri jika berlaku sesuatu musibah.

PANTANG LARANG BERKAITAN DENGAN MAKHLUK HALUS DARIPADA SEBARANG BENCANA DAN PENYAKIT

Sebarang kepercayaan yang menjadi pegangan dalam kehidupan seharian akan mempengaruhi pembentukan corak nilai yang ditetapkan oleh sesebuah masyarakat. Ismail Hamid (1998:29) menyatakan animisme merupakan suatu ciri utama dalam kepercayaan orang Melayu yang diwarisinya dari zaman pra-Islam. Animisme ini berlandaskan kepercayaan bahawa di samping manusia yang menghuni di dunia ini terdapat juga makhluk halus. Makhluk ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar kecuali oleh orang yang mempelajari ilmu ghaib yang dikenali sebagai pawang atau bomoh. Dalam kepercayaan orang Melayu, makhluk halus ini dikenali dengan berbagai-bagai jenis nama, seperti semangat, penunggu dan hantu. Kepercayaan yang bercorak animisme yang mempercayai kewujudan makhluk halus ini terus dipegang oleh orang Melayu walaupun telah menganuti agama Islam. Keadaan ini berlaku kerana agama Islam mengakui kewujudan sejenis makhluk halus yang menghuni dunia ini yang dipanggil sebagai jin. Dalam al-Quran (surah 51:56) Allah berfirman bahawa, Ia telah menciptakan jin dan manusia demi untuk menyembah-Nya. Didapati sekurang-kurangnya terdapat 39 ayat dalam al-Quran yang membincangkan sejenis makhluk halus yang diciptakan oleh Allah SWT bernama jin. Dalam hadis Nabi juga disebut tentang kewujudan makhluk yang bernama Adam yang diciptakan oleh Allah daripada tanah, manakala jin diciptakan oleh Allah daripada api. Manusia termasuk dalam jenis makhluk yang dapat dilihat dengan mata kasar. Sementara jin dan malaikat merupakan makhluk halus yang tidak dapat dipandang dengan pancaindera. Sehubungan itu, kepercayaan tentang kekuasaan makhluk alam yang boleh membawa angkara kepada manusia masih lagi menjadi pegangan sebilangan penduduk dalam kalangan orang Melayu. Bomoh dan pawang masih lagi berperanan kerana tenaga dan pengetahuan mereka

diperlukan untuk mengubati penyakit atau melakukan upacara yang berhubung dengan penyembuhan penyakit atau pengusiran makhluk halus ini.

Robiah Sidin dan Juriah Long (1998) menyatakan banyak perkara yang dilakukan oleh orang Melayu jikalau baru mendirikan rumah bagi mengelakkan gangguan daripada makhluk halus. Contohnya diadakan kenduri dan bacaan doa selamat. Sementara itu, ayat al-Quran, doa tertentu, dan azimat digantung dirumah untuk menjauhkan diri daripada gangguan makhluk jahat. Atas kepercayaan kepada makhluk jahat yang boleh mengganggu tempat kediaman juga telah mendorong orang Melayu mengadakan susunan dan peraturan tertentu bagi rumah kediaman mereka.

Kepercayaan tentang kewujudan makhluk ghaib di dalam hutan mendorong seseorang menghormati dan bertindak dengan penuh tata tertib, seperti tidak bersikap sombong dan membuat sesuka hati di dalam hutan. Semasa dalam sesuatu perjalanan di hutan pula, seseorang harus bersikap sopan, khasnya apabila mahu membuang air kecil, harus di tempat dan mengadap arah tertentu. Jika dimungkir, bala akan melanda seperti sakit perut dan sebagainya. Dengan demikian sudah menjadi pengetahuan umum bahawa sesuatu tindakan harus mengikut pantang larang untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan dalam perjalanan dan kehidupan seharian.

KEKREATIFAN ORANG MELAYU DALAM MENGUNGKAPKAN PANTANG LARANG BERKAITAN DENGAN PADAH DAN ALAMAT

Satu lagi cabang pantang larang ialah padah dan alamat. Padah membawa maksud alamat atau tanda. Menurut kepercayaan orang tua-tua, sesuatu kejadian atau perlakuan yang agak luar biasa atau jarang sekali berlaku, boleh mendatangkan alamat, sama ada baik atau sebaliknya. Padah dan alamat ini boleh dikaitkan dengan pemikiran kreatif orang Melayu dalam mengungkapkan kata-kata yang puitis berupa puisi tradisional, seperti perumpamaan, pantun, kata bidalan, teromba dan sebagainya. Umpamanya teromba berikut mengungkapkan tentang kebijaksanaan orang Melayu dalam melihat kebesaran ciptaan Tuhan, dan dari situ manusia harus berfikir mengenai padah dan alamat daripada ungkapan seperti yang berikut:

Kalau hendak tahu tingginya gunung
Tanyalah kepada burung enggang
Kalau hendak tahu lebarnya padang
Tanyalah kepada belalang

ANI HAJI OMAR

Kalau hendak tahu tebalnya hutan
Tanyalah kepada pak belang
Kalau hendak tahu dalamnya lubuk
Tanyalah kepada memerang

Kalau hendak tahu lebarnya pantai
Tanyalah kepada seluang
Walaupun rumput mati terlapah
Akarnya tak mahu tenggelam

(Mohd Rosli Saludin, 2005:56)

Pemikiran kreatif orang Melayu mengenai pantang larang ini jelas terakam dalam kata indah bersifat talibun, pantun, perumpamaan, seloka, dan teromba. Perhatikan teromba pantang larang yang membawa pengajaran ini sebagai contoh:

Melambungkan kain dikejar anjing
Berbaju merah dihambat lembu
Bersiul tengah malam naik ular
Tidur membawa remah mimpi harimau
Makan nasi dingin disengat penyengat
Meludahkan orang tua mengudis mulut
Merobek-robek pepatung kudung jari
Menunjuk pelangi kudung tangan
Melontar waktu senja kena mata hantu
Kencing tengah jalan diikuti asap

...

(Alif Mokhtar, 1997)

KESIMPULAN

Kepercayaan, pantang larang dan adat istiadat Melayu umumnya merupakan pengaruh daripada pelbagai unsur termasuklah kepercayaan animisme, Buddha, Hindu, Islam, dan perkara yang berkaitan dengan asimilasi tempatan dan juga Barat. Unsur yang merupakan kepercayaan karut dan bertentangan dengan ideologi Islam, seharusnya tidak diterima pakai lagi. Namun demikian segala pantang larang yang boleh diterima dengan pemikiran rasional dan berkaitan dengan adat resam yang tidak menyalahi akidah Islam serta bertujuan untuk mendidik wajar diamalkan. Namun begitu, disebabkan beberapa faktor dan keadaan yang saling berhubungan,

sesetengah adat resam dan kepercayaan yang mengelirukan itu telah dihapuskan dan terdapat juga sesetengah adat resam yang masih lagi dikekalkan dan menjadi sebatian dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ada adat resam Melayu yang di ambil dari luar dunia Melayu dan telah sebatian dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Terdapat juga adat resam yang dipertontonkan dalam sesetengah pertunjukan kebudayaan. Oleh itu, banyak generasi muda yang masih mengamalkan adat resam, kepercayaan dan pantang larang Melayu lama dalam kehidupan seharian mereka. Oleh hal yang demikian, meskipun pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat kini sudah semakin ditinggalkan, namun dari perspektif pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan maka pantang larang harus dipertahankan juga kerana kewujudannya itu bukan sahaja untuk kebaikan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat malah dapat membentuk jiwa manusia yang seimbang. Sehubungan itu, ada kewajarannya pantang larang orang Melayu ini dikaji bagi memperincikan lagi kerasionalannya agar semua masyarakat Melayu mengenali pantang larang nenek moyang mereka yang pernah menjadi cara penyampaian etika dan nilai, serta kebanggaan pada suatu masa dahulu.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof, 2006. "Beberapa Aspek 'Urf Fasid dalam Budaya Melayu dan Kesannya Terhadap Hukum" dlm. Md. Saleh Hj. Md. (ed.) *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ani Haji Omar, 2013. *Suara Hati Penyair Malaysia dalam Puisi Melayu Moden dari Perspektif Teori SPB4L*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anisah Barakbah, 2007. *Ensiklopedia Perbidanan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Alif Mokhtar, 2007. "Pantang Yang Membawa Pengajaran" dlm. Mohd Rosli Saludin. *Anjung Teromba*. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn.Bhd.
- Arab dan Nurul Akmar Mohd Idris. "Makanan Tanda Status Sosial" dlm. majalah *Dewan Budaya* hlm. 17, Jun, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanapi Dolah dan Mohd Nazri Ahmad, 2000. dlm. Anwar Din (ed.) *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- http://www.searchtruth.com/hadith_books.php
- Khadim al-Haramain asy-Syarifain, 1990. *Al-Quran dan Terjemahannya*. Madinah: Kompleks Percetakan Al-Quran Nul Karim Kepunyaan Raja Fahd, Saudi Arabia.
- Mohamad Daud Mohamad, 2007. *Bahasa dan Persuratan Melayu daripada Nazrah Kebudayaan Melayu* dlm. Mohamad Saleeh Rahamad (ed.) *Budaya Serumpun Mendepani Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hasnawi, 2004. *Isteri Mithali Idaman Seorang Suami*. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmin Enterprise.

- Mohd Rosli Saludin, 2005. *Teromba*. Negeri Sembilan: Jabatan Kebudayaan Kesenian dan Warisan Negeri Sembilan.
- Muhd Alif Redzuan, 2005. "Budaya Makan" dlm. *Dewan Budaya*, Jun hlm. 10–11, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Najibah Mohd Zain. "Komunikasi, Hormati Hak Kunci Perkahwinan Bahagia. *Berita Harian*, hlm. 9, 15 September 2004.
- Nuraini Yusoff dan Mohamad Azmi Ab.Rahman. UPSI 13 (11) 2003: 216–38. *Puisi Klasik: Cerminan Pemikiran Alam Melayu dalam Menghindar Bencana*.
- Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail, 2000. *Masyarakat Budaya dan Perubahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ridha Bak Najjad, 2002. *Hak dan Kewajipan Isteri dalam Islam*. Jakarta: PT Lentera Basritama.
- Robiah Sidin dan Juriah Long, 1998. *Nilai Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsina Hj. Abd Rahman, 2011. "Pengungkapan Kekuasaan Allah terhadap Alam dalam Puisi Melayu Moden" dlm. Zaitul Azman Zainon Hamzah (ed.) *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya Isu dan Trend*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Taha Abd Kadir, 2005. "Pengubatan Tradisional Melayu" dlm. *Dewan Budaya* hlm. 10, Mac 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy, 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharah Nawawi. "Budaya Makan Masyarakat Malaysia" dlm. majalah *Dewan Budaya* hlm. 12–13, Jun, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.